

PM belum dapat ilham adakan pilihanraya

KUALA LUMPUR 25 Mac — Perdana Menteri yang sebelum ini pernah menyatakan 'belum mendapat ilham' untuk mengadakan pilihanraya, hari ini meneruskan lagi teka teki itu apabila berkata, tindakan untuk tidak mengumumkannya lagi adalah "untuk suka-suka saja."

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihak pembangkang boleh terus "bekerja keras" berkempen, memasang poster dan membuang wang dengan anggapan pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi.

"Ini strategi politik. Kita tidak mempunyai apa-apa halangan untuk mengadakan pilihanraya bila-bila masa. Kita mahu lihat sejauh mana ketahanan pembangkang," katanya pada sidang akhbar di akhir Konvensyen Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dengan kenyataan itu, Dr. Mahathir menolak sama sekali jangkaan bahawa beliau akan mengumumkan pembubaran Parlimen di konvensyen tersebut.

Kepada cadangan BN untuk meletakkan calon yang tidak mewakili mana-mana parti komponen, Dr. Mahathir berkata, ia mungkin akan diletakkan di tempat yang ada pertikaian mengenai pemilihan calon yang sesuai.

Katanya, jika berlaku pertikaian seumpama itu, kedua-dua parti itu boleh berkorban dan memberi laluan kepada calon yang tidak mewakili parti komponen BN.

"Selepas calon itu menang atau kalah, terpulanglah kepada mereka untuk memasuki mana-mana parti komponen," katanya.

Ditanya berapa banyak kawasan akan diwakili oleh calon sedemikian dan kawasan yang dimaksudkan itu, beliau berkata: "Mung-

kin tak banyak atau tiada langsung."

Ditanya adakah calon yang akan dipilih itu mungkin terdiri daripada bekas ahli-ahli pembangkang termasuk bekas Timbalan Setiausaha Agung DAP, Lee Lam Thye, beliau berkata, BN tiada musuh yang berkekalan.

"Kita tidak bermusuhan sehingga seribu atau dua ribu tahun, kita terbuka... musuh kitapun kita terima," katanya menjawab ramalan kononnya bekas Ahli Parlimen DAP Bukit Bintang itu mungkin bertanding sebagai calon BN.

Menyentuh kononnya terdapat usaha pihak-pihak tertentu dalam UMNO sedang berunding dengan pemimpin Parti Semangat Melayu 46 bagi menarik mereka ke pangkuan UMNO, Presiden UMNO itu menegaskan, UMNO terbuka kepada semua orang Melayu.